

Rampas 70kg daun ketum terapung

10 Mei 2022

Rampas 70kg daun ketum terapung

Kangar: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas 70 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM12,600 di kedudukan 3.1 batu nautika dari barat daya pantai Sungai Baru kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, rampasan itu dibuat hasil aduan orang awam melalui talian Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Perlis berkaitan sindiket tempatan yang melakukan aktiviti menyeludup keluar daun ketum ke negara jiran.

"Susulan itu, pihak APMM mengatur gerak aset laut serta pasukan operasi ke lokasi bagi melakukan pemantauan dan pengawasan di lokasi berkenaan kira-kira 1.56 tengah hari," katanya menerusi kenyataan semalam.

Beliau berkata, di lokasi terbabit anggota bot peronda menemukan empat bungkusan plastik hitam disyaki daun ketum terapung di laut dengan anggaran berat 70kg dipercayai cuba diseludup ke negara jiran.